

# UTUSAN BORNEO (Sabah) - Isnin, 15 Januari 2024

## Penjawat awam perlu daftar PADU selewatnya 30 Mac 2024



**MELAWAT:** Makhzan (kiri) melawat kaunter Suruhjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

## Penjawat awam perlu daftar PADU selewatnya 30 Mac 2024

**RANAU:** Penjawat awam persekutuan di Sabah disaran untuk mendaftar dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selewat-lewatnya 30 Mac ini.

Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Makhzan Mahyuddin berkata, dua jawatankuasa telah ditubuhkan sebagai usaha untuk mendaftar seramai 1.76 juta individu di seluruh Sabah.

“Selain perkhidmatan kaunter fizikal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di Mobile Community Services (MCS), kita juga menggunakan Pusat Ekonomi Digital (PEDI) dan agensi-agensi persekutuan seperti Jabatan Penerangan untuk pendaftaran PADU.

“Bagi peringkat jabatan persekutuan pula, ditu-

buhkan jawatankuasa untuk mendaftar kakitangan awam dan minggu depan akan mula bergerak untuk memastikan pendaftaran PADU di Sabah mencapai sasaran ditetapkan sehingga penghujung Mac 2024.

“Jawatankuasa terdiri daripada pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Perangkaan dan pengurus sumber-sumber manusia semua jabatan persekutuan serta negeri Sabah untuk memastikan kakitangan awam mendaftar PADU,” katanya semasa ditemui di program MCS di SK Tiampos, Ranau, pada Sabtu.

Menurut kenyataan DOSM, terdapat seramai 120 ribu penjawat awam persekutuan dan negeri di Sabah dengan lebih 10 ribu telah berdaftar dalam PADU.